



25 JAN, 2024

Kastam rampas rokok seludup bernilai RM4.16 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Kastam rampas rokok seludup bernilai RM4.16 juta

SEREMBAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan merampas 5.5 juta batang rokok putih dianggarkan bernilai RM4.16 juta berhampiran hentian Rehat dan Rawat (RNR) Gombak, Selangor pada 14 Januari lepas.

Pengarahnya, Mohammad Hafiz Ishak berkata, dalam serbuan pada 3.30 petang itu, anggota daripada Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri menahan sebuah lori bonded 10 tan yang dipandu seorang lelaki berusia dalam lingkungan 20-an.

Beliau berkata, pemeriksaan ke atas lori terbabit menemukan 275,000 paket rokok putih dengan kesemuanya mempunyai label cukai palsu dan disyaki barangan Larangan Import Di Bawah Butiran 1, Bahagian II, Jadual Ketiga

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

"Kesemua barang ekshibit serta lori jenis Nissan terbabit disita mengikut Seksyen 114 Akta Kastam 1967 dan dibawa balik ke pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri untuk siasatan lanjut manakala pemandu turut ditahan.

Kita anggar kan sindiket aktif tahun lepas, ia untuk pasaran di Lembah Klang berikutan kepada penduduk tinggi...nilai rokok tanpa cukai bernilai RM400,000. Kita masih mengesan sekiranya ada lagi rantajan sindiket itu," katanya pada sidang media mengenai rampasan itu di sini semalam.

Mohammad Hafiz berkata, modus operandi digunakan adalah rokok diseludup yang diper-



PENGARAH Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan, Mohammad Hafiz Ishak menunjukkan barang rampasan yang dipamerkan pada sidang media di Pejabat Kastam Negeri, semalam. • Foto BERNAMA

cayai dari Thailand itu dibawa masuk ke negara ini menggunakan kenderaan seperti lori "bonded".

Beliau berkata, sindiket itu menggunakan dokumen Delivery

Order dan label cukai palsu bagi mengaburi mata pihak berkuasa serta rokok berkenaan dijual di pasaran tempatan dengan harga yang lebih murah.

Menurutnya kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 74 (1)(a) Akta Eksais 1976. - Bernama



25 JAN, 2024

Kastam rampas rokok seludup bernilai RM4.16 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan merampas 5.5 juta batang rokok putih dianggarkan bernilai RM4.16 juta berhampiran hentian Rehat dan Rawat (RNR) Gombak, Selangor pada 14 Januari lepas. Pengarahnya, Mohammad Hafiz Ishak berkata, dalam serbOan pada 3.30 petang itu, anggota daripada Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri menahan sebuah lori bonded 10 tan yang dipandu seorang lelaki berusia dalam lingkungan 20-an.